



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENSITIVITI MORAL MELALUI INTERAKSI PELAJAR PELBAGAI BUDAYA DI SEKOLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AIREN SURAYYA BINTI KHAIRU ANUAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENSITIVITI MORAL MELALUI INTERAKSI PELAJAR PELBAGAI BUDAYA DI SEKOLAH

AIREN SURAYYA BINTI KHAIRU ANUAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA PENDIDIKAN MORAL
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16.2.2021

Student' Declaration:

Saya, Airen Surayya Binti Khairu Anuar, M20152001654 Fakulti Sains Kemanusiaan dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk Sensitiviti Moral Melalui Interaksi Pelajar Pelbagai Budaya Di Sekolah adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

 Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya Prof Madya.Dr. Tan Bee Piang dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Sensitiviti Moral Melalui Interaksi Pelajar Pelbagai Budaya Di Sekolah dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Pendidikan Moral.

 Tarikh

 Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيٲى فنډيديقن سلطان اډريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Sensitiviti Moral Melalui Interaksi Pelajar Pelbagai Budaya Di Sekolah

No. Matrik / Matric's No.: M20152001654

Saya / I: Airen Surayya Binti Khairu Anuar

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sains Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyeliad / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, saya berjaya menyelesaikan tesis ini dengan baiknya.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada penyelia utama saya iaitu, Prof. Madya. Dr. Tan Bee Piang atas dedikasi, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang saya menghasilkan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia kedua saya iaitu Dr. Noor Banu Mahadir Naidu atas sumbangan idea, dorongan serta pandangan bernas dalam penulisan saya ini. Penghargaan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pof. Madya. Dr Samsudin Suhaili yang sudi berkongsi ilmu penyelidikan untuk membantu saya dalam membaiki penulisan tesis serta banyak memberikan kata-kata semangat dan sokongan sehingga saya berjaya ke tahap ini.

Penghargaan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang memberikan semangat dan sokongan kepada saya dalam merealisasikan impian saya untuk menyempurnakan hasil kajian ini. Penghargaan ditujukan khusus buat permata hati, iaitu ayahanda saya En.Khairu Anuar Bin Othman serta ibu saya Pn. Foziah Yusop serta adik beradik yang tidak pernah putus mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa juga rakan-rakan, dan pihak pentadbir Kolej Vokasional Keningau yang memberikan sokongan dan kerjasama dalam menyokong usaha saya untuk menghasilkan sebuah kajian untuk panduan masyarakat pada masa hadapan.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis saya ini. Hanya ALLAH sahaja yang mampu membalas jasa kalian. Terima kasih semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengalaman sensitiviti moral pelajar sekolah menengah dalam hubungan interaksi pelbagai budaya. Kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian. Seramai 15 pelajar tingkatan empat yang memenuhi kriteria kajian iaitu sekolah yang mempunyai kepelbagaian kaum di daerah Keningau dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Pengkaji mengadaptasi instrumen oleh Darcia Narvaez iaitu Ethical Sensitiviti Scale Questionnaire (ESSQ) untuk membantu pengkaji mengenalpasti ciri-ciri sensitiviti moral dalam interaksi pelbagai budaya. Hasil dapatan adalah untuk mencapai tiga objektif kajian iaitu i) menganalisis ciri-ciri sensitiviti moral dalam kalangan pelajar pelbagai budaya di sekolah ii) mengetahui kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya dan iii) mengenal pasti sensitiviti moral pelajar dalam membantu pelajar pelbagai budaya membuat keputusan moral. Analisis dapatan menunjukkan kepedulian, keprihatinan dan kepatuhan amalan nilai moral merupakan ciri sensitiviti moral yang ketara dalam interaksi pelbagai budaya pelajar sekolah menengah di Sabah. Kewujudan sensitiviti moral ini adalah melalui dua proses iaitu i) semangat berkerja berkumpulan demi mencapai sesuatu objektif bersama dan ii) asimilasi budaya, iaitu memahami budaya kaum lain sehingga berjaya menerima nilai dan norma yang boleh digunakan bersama. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan sensitiviti moral dapat membantu pelajar dalam membuat keputusan bermoral yang rasional/betul melalui perasaan ambil peduli tanpa mengira kaum, meletakkan nilai moral sebagai panduan dan mengurangkan sikap berat sebelah/ perasaan bias mahupun prejudis dalam membuat keputusan. Implikasi kajian ini menunjukkan sensitiviti moral amat penting dalam interaksi pelbagai budaya dan semakin luas interaksi pelbagai budaya semakin kerap elemen sensitiviti moral boleh diterapkan. Sensitiviti moral bukan sahaja berfokus kepada bidang moral malah boleh dilihat secara keseluruhan dari aspek bahasa dan agama.





MORAL SENSITIVITY THROUGH THE INTERACTION OF STUDENTS FROM DIFFERENT CULTURES IN SCHOOL

ABSTRACT

The purpose of this research was to examine the moral sensitivity on the interaction between different cultures among secondary school students in Sabah. This qualitative study utilized interviews, document analysis and observation to collect data from its respondents. There were 15 form four students who were selected from diverse ethnic backgrounds in the district of Keningau through purposive sampling technique. In order to examine the characteristics of moral sensitivity on the interaction between different cultures, the researcher adapted an instrument known as Ethical Sensitivity Scale Questionnaire (ESSQ) by Darcia Narvaez. The findings of this study used to address three objectives. The first one was to analyses the characteristics of moral sensitivity among school students of different cultures. The second objective was to identify the presence of moral sensitivity among the different cultures in the selected school. The final objective was to determine to what extent students' moral sensitivity influenced their moral decisions. The analysis of the findings revealed that concern about others, compassion and adherence to moral values were the three most obvious traits in the interaction between different cultures in Sabah secondary schools. The presence of this moral sensitivity derived from two processes and these were teamwork in accomplishing common goals and cultural assimilation which refers to understanding other cultures to the degree of accepting their values and norms that could be practiced universally. The analysis of this research indicated that moral sensitivity could help students make rational and proper moral decisions with compassion on others regardless of their races. It could help reduce their bias or prejudice in making ethical decisions by putting moral values as their main principle. This study implied how essential moral sensitivity is in the interaction of different cultures and the growth of cultural interaction directly influences the number of elements in moral sensitivity that can be integrated in schools. Moral sensitivity is not just limited to moral education, but it also can be seen in various aspects of languages and religions.



**ISI KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Permasalahan kajian	6
1.4 Objektif kajian	10
1.5 Persoalan kajian	11
1.6 Kepentingan kajian	11
1.7 Batasan kajian	13



1.8	Kerangka kajian	14
1.9	Etika pengkajian	16
1.9.1	Etika proses pengumpulan data	17
1.9.2	Etika dalam pernyataan masalah	18
1.9.3	Etika dalam analisis data	18
1.9.4	Etika dalam menulis dan menyebarkan hasil kajian	19
1.10	Definisi Istilah	19
1.10.1	Sensitiviti Moral	20
1.10.2	Kepelbagaian budaya	22
1.11	Pengorganisasian bab	27
1.12	Penutup	29
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	30
2.1	Pengenalan	30
2.2	Teori	31
2.2.1	Teori perkembangan moral Piaget dan Kohlberg	31
2.2.2	Teori sensitiviti moral	35
2.3	Nilai moral	38
2.3.1	Pembentukan perilaku bermoral	40
2.4	Sensitiviti moral	43

2.5	Kepelbagaian budaya	50
2.5.1	Isu perpaduan kaum di sekolah	51
2.5.2	Kefahaman kepelbagaian budaya	55
2.5.3	Pengalaman pelbagai budaya	59
2.6	Interaksi	62
2.7	Penutup	66
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	68
3.1	Pengenalan	68
3.2	Reka bentuk kajian	68
3.3	Reka bentuk kajian kualitatif	71
3.3.1	Kajian kes	71
3.4	Peserta kajian	73
3.4.1	Prosedur pemilihan peserta kajian	73
3.4.2	Kriteria pemilihan peserta kajian	74
3.4.2.1	Pelajar tingkatan empat berusia 16 tahun	75
3.4.2.2	Pelajar yang mempunyai keupayaan untuk berkongsi maklumat, pengalaman, yang dilalui dalam kehidupan seharian melalui interaksi pelbagai budaya	75
3.4.2.3	Pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum	76

3.4.2.4	Pelajar yang berasal dari negeri Sabah	77
3.5	Pemilihan lokasi	78
3.6	Tempoh kajian	80
3.7	Kaedah pengumpulan data	82
3.7.1	Kaedah temu bual	82
3.7.1.1	Protokol temu bual	85
3.7.2	Kaedah pemerhatian	86
3.7.3	Protokol pemerhatian	88
3.7.4	Ethical sensitivity scale questionnaire (ESSQ)	91
3.7.5	Pengkaji sebagai instrumen kajian	92
3.8	Kajian rintis	94
3.9	Kaedah penganalisan data	96
3.9.1	Fasa pertama: Proses transkrip	98
3.9.2	Fasa kedua: Proses pengkodan transkrip	99
3.9.3	Fasa ketiga: Mengkategorikan kod dan menamakan tema	102
3.10	Kesahan dan kebolehpercayaan	104
3.10.1	Semakan ahli	104
3.11	Penutup	106

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 107

4.1	Pengenalan	107
4.2	Latar belakang peserta kajian	107
4.3	Ciri-ciri sensitiviti moral pelajar pelbagai budaya	109
4.3.1	Kepedulian	110
4.3.2	Keprihatinan	117
4.3.3	Kepatuhan amalan nilai moral	125
4.4	Kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya	131
4.4.1	Kerjasama	131
4.4.2	Asimilasi	147
4.5	Aspek sensitiviti moral yang membantu pelajar pelbagai budaya dalam membuat keputusan moral	156
4.5.1	Perasaan ambil peduli tanpa mengira kaum	156
4.5.2	Bertingkah laku moral	164
4.5.3	Sikap individu	173
4.6	Penutup	181

BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN SENSITIVITI MORAL 182

5.1	Pengenalan	182
5.2	Ringkasan kajian	182

5.3 Rumusan dapatan kajian 185

5.3.1 Ciri-ciri sensitiviti moral pelajar dalam hubungan interaksi pelbagai budaya. 185

5.3.1.1 Kepedulian 186

5.3.1.2 Keprihatinan 188

5.3.1.3 Kepatuhan amalan nilai moral 189

5.3.2 Hubungan interaksi pelbagai budaya melalui kerjasama dan asimilasi kaum 191

5.3.2.1 Kerjasama 192

5.3.2.2 Asimilasi 193

5.3.3 Sensitiviti moral membantu pelajar dalam membuat keputusan moral 196

5.3.3.1 Perasaan ambil peduli tanpa mengira kaum 197

5.3.3.2 Bertingkah laku moral 198

5.3.3.3 Sikap individu 199

5.4 Implikasi kajian 200

5.4.1 Implikasi kepada guru dan pelajar 200

5.4.2 Implikasi kepada sekolah 202

5.5 Cadangan 203

5.5.1 Cadangan untuk kajian masa hadapan 203

5.5.2	Cadangan untuk bidang pendidikan	206
5.5.3	Cadangan untuk pihak berkepentingan	211
5.6	Kesimpulan	212
RUJUKAN		220
LAMPIRAN		242

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Tahap Perkembangan Moral Kohlberg	32
2.2	Panduan sensitiviti moral	37
3.1	Pecahan Penduduk Keningau Mengikut Etnik	79
3.2	Jadual Pengumpulan Data	81
3.3	Contoh Nota Lapangan	89
3.4	Proses Membuat Transkrip	98
3.5	Proses Pengekodan Transkrip	100
3.6	Sampel Penyusunan Kod Berdasarkan Tema	102
4.1	Profil Peserta Kajian	108
4.2	Bilangan Peserta Kajian Mengikut Kaum	109
4.3	Bilangan Peserta Kajian Mengikut Agama	109
4.4	Contoh Nota Deskriptif	142
4.5	Contoh Nota Reflektif	158
4.6	Amalan Nilai Moral	164





5.1	Ciri-ciri sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya.	186
5.2	Bentuk Interaksi Pelajar Pelbagai Budaya	192
5.3	Aspek yang membantu pelajar membuat keputusan moral	196





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Kajian	15
3.1	Penamaan Semula Tema	103
3.2	Tema dan Ringkasan Kod	104





SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
ESSQ	Ethical Sensitivity Scale Questionnaire
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
CSM	Calon Sensitiviti Moral





SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan Temu Bual
- B Sampel Transkrip Temu bual
- C Sampel Pemerhatian
- D Borang Persetujuan Peserta Kajian





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Amalan bertingkah laku moral merupakan asas kepada pembentukan peribadi sesebuah masyarakat demi mencapai kesejahteraan bersama. Dalam konteks untuk memahami persamaan tingkah laku bermoral, pelbagai aspek perlu dititikberatkan. Maizura (2015) mengupas, amalan bertingkah laku moral individu dilihat melalui tiga aspek utama iaitu pengalaman, pegangan agama dan pendidikan. Aspek ini adalah satu bentuk usaha berterusan demi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menfokuskan kewujudan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sehubungan dengan itu, perbezaan latar sosial budaya masyarakat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum menuntut setiap ahli masyarakatnya mengaplikasikan amalan nilai moral dalam kehidupan seharian demi mencapai kesepaduan dan kesepakatan bersama.

Usaha untuk melahirkan insan bertingkah laku moral dilihat sebagai satu cabaran besar menjelang tahun 2020 rentetan daripada pelbagai pengaruh luar yang mencetuskan propaganda, ideologi yang sedikit sebanyak memberikan impak kepada





amalan nilai individu dalam kehidupan seharian (Muhammad Aslah & Mohd Shamsudin, 2016). Melalui itu, aspek pengamalan nilai dalam pendidikan telah dijadikan sebagai agen pendedahan berdasarkan pengalaman secara teori dan praktikal supaya pelajar dapat membentuk identiti dan perasaan nilai sepunya dalam kalangan mereka (Yong, Ku Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Mohd Daud Awang & Adlina Ab Halim, 2018). Hal ini demikian kerana, bidang pendidikan dilihat sebagai medium primer untuk membentuk peribadi pelajar yang berperilaku moral selaras dengan PPPM 2013-2025 pada fasa gelombang kedua iaitu melahirkan rakyat malaysia dengan penghayatan nilai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Umumnya, amalan berperilaku moral dikaitkan dengan konsep moraliti. Secara asasnya konsep moraliti adalah mengenai cara manusia bertingkah laku yang dikatakan bermoral dan berakhlak mulia (Maizurah, 2015). Dalam proses penaakulan moral, terdapat empat komponen moral yang dibincangkan iaitu sensitiviti moral, pertimbangan moral, motivasi moral dan karakter moral (Robert & Toman, 2013). Pengkaji memilih untuk mengetengahkan sensitiviti moral dalam kajian ini berikutan konsep sensitiviti moral itu tidak diletakkan sebagai penentu kepada betul atau salah sesuatu tindakan yang diambil, tetapi Benjamin dan Alexander, (2010) berpendapat sensitiviti moral sebagai usaha untuk mendapatkan penjelasan kepada sebab dan alasan seseorang berpegang kepada sebab suatu prinsip dan keputusan untuk melakukan tindakan.

Jordan (2007) menghuraikan amalan moral sebagai kaedah norma dan peraturan yang mengatur individu dalam bertingkah laku untuk diterima dalam sesebuah kelompok masyarakat. Rest, Narvaez, Bebeau & Thoma (1999) mendefinisikan sensitiviti moral sebagai strategi dalam mengenali isu-isu moral dan cara seseorang





bertindak balas terhadap sesuatu isu. Ini kerana, dalam menghadapi situasi moral seseorang individu seharusnya berkeupayaan untuk melihat dan mentafsir peristiwa yang berlaku dengan cara memilih dan melaksanakan tindakan yang lebih beretika (Tirri, 1999). Tambahan juga, sensitiviti moral merupakan komponen yang penting dalam tindakan moral kerana setiap individu menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan moral. Oleh itu, ahli sarjana bersependapat dalam membuat sesuatu tindakan berdasarkan situasi moral, lima kriteria ini diklasifikasikan sebagai kriteria sensitiviti moral bagi menilai individu dalam membuat keputusan bermoral. Lima kriteria tersebut adalah:

- (i) Berkeupayaan untuk mentafsir perasaan dan tindak balas orang lain.
- (ii) Meletakkan perasaan empati dan ambil peranan (*role taking*).
- (iii) Memahami bagaimana sesuatu tindakan dapat mempengaruhi kebajikan diri dan orang lain.
- (iv) Membuat kesimpulan berdasarkan perlakuan orang lain.
- (v) Serta memberikan maklum balas yang bersesuaian dengan tindakan yang telah dilakukan

Sumber: Thornberg & Jungert (2013)

Berdasarkan ciri-ciri di atas, pengkaji melihat kajian sensitiviti moral ini dapat diteroka dengan lebih bermakna apabila diteliti melalui interaksi pelbagai budaya. Ini penting untuk melihat kesedaran sensitiviti moral melalui interaksi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai amalan budaya dan latar etnik. Robert & Tomas (2013) menghuraikan moral sebagai kaedah norma dan peraturan yang mengatur individu dalam bertingkah laku untuk diterima dalam sesebuah kelompok masyarakat. Sehubungan dengan itu, pelbagai aspek perlu diberi perhatian kerana kegagalan





mengambil kira kesemua aspek boleh mengakibatkan salah faham antara budaya. Justeru, berdasarkan tindakan tersebut, kajian terhadap interaksi pelajar pelbagai budaya dalam membentuk sensitiviti moral masyarakat wajar dilaksanakan.

1.2 Latar belakang kajian

Malaysia secara jelasnya adalah negara berbilang kaum selepas dijajah kerajaan British. Secara logikal, kehidupan pelbagai kaum di Malaysia pastinya didiami dengan pelbagai amalan dan norma yang disantuni dengan nilai moral dan ajaran agama sebagai pegangan hidup masing-masing. Oleh itu, pembentukan amalan nilai moral adalah sebagai panduan kepada individu untuk bertingkah laku baik supaya dapat diterima dalam komuniti masyarakat setempat. Pandangan Sadler (2011) menjelaskan individu yang mempunyai sensitiviti moral berkeupayaan mentafsir tingkah laku dan perasaan orang lain, memahami punca sesuatu itu berlaku dan pengaruh keputusan terhadap orang lain. Oleh itu, sensitiviti moral dijadikan sebagai satu panduan untuk membuat keputusan bermoral dalam menjalani kehidupan seharian.

Dalam kajian-kajian yang berkaitan dengan sensitiviti moral, kebanyakan pengkaji mengaitkannya dengan pertimbangan moral. Namun begitu, terdapat perbezaan dalam mengkaji ilmu pertimbangan moral kerana untuk mengukur pertimbangan moral individu dalam sesuatu situasi, individu tidak perlu berkeupayaan untuk mengenal pasti bahawa situasi tersebut adalah isu moral (Robert & Toman, 2013). Sebaliknya untuk sensitiviti moral, seseorang itu harus lebih jelas dan mampu untuk mengenal pasti situasi yang dihadapi adalah isu moral. Kepentingan untuk mengenal pasti situasi dalam isu moral adalah untuk memastikan tindakan yang bakal





diambil adalah tindakan yang beretika dan diterima dari aspek kemoralan (Jordan, 2007).

Latar masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai amalan budaya dan suku etnik telah membuka peluang akan kewujudan pelbagai tanggapan dalam sensitiviti moral. Akibat daripada perbezaan budaya dan etnik tersebut telah mewujudkan pelbagai tanggapan yang pelbagai dari setiap individu yang berbeza. Walhal, kepelbagaian ini sebenarnya merupakan ruang dan peluang untuk setiap individu dalam negara ini untuk berinteraksi dalam menghadapi isu moral mahupun sensitiviti moral dengan syarat salah satu keistimewaan yang perlu dibanggakan dan dihargai selagi mana rakyatnya mengekalkan satu prinsip perpaduan yang sama. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, proses menyatupadukan rakyat adalah bukan bermaksud untuk memelayukan keseluruhan rakyat, atau menghilangkan identiti kaum dan budaya lain, namun ruang ini diambil untuk membina kesefahaman serta dapat menyelami perbezaan budaya antara satu sama lain (Wan Ramli Wan Muhammad, 2006).

Bersandarkan kepada latar masyarakat yang pelbagai budaya, hubungan dan tingkah laku sosial adalah berdasarkan pada nilai budaya sesebuah komuniti yang dibentuk berdasarkan kepercayaan, nilai kebudayaan dan nilai induk dalam komuniti itu sendiri (Elliot Turiel, 2002). Sehubungan dengan itu, dalam kehidupan sekarang, hubungan interaksi pelbagai budaya memainkan peranan yang penting dalam meneliti soal saling memahami dan menerima budaya antara satu sama lain. Setiap perbuatan yang baik, lahirnya dari pemikiran yang baik. Amalan tingkah laku yang dipraktikkan dalam kehidupan sehari merupakan manifestasi terhadap moraliti yang dipegang oleh individu dalam sesebuah masyarakat (Maizurah, 2015). Hal ini demikian kerana, hasil





sesuatu tindakan yang dilakukan bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri, bahkan juga kepada masyarakat dan individu di sekeliling.

Secara umumnya, hubungan kepelbagaian budaya sebuah komuniti atau negara memerlukan *multicultural intimacy* atau keakraban pelbagai budaya. Semangat keakraban ini penting dalam konsep kepelbagaian budaya yang mana mendorong kepada nilai toleransi antara satu sama lain (Fortier, 2008). Sehubungan dengan itu, interaksi pelbagai budaya ini juga dapat dilihat melalui konteks keakraban masyarakat majmuk di Malaysia. Masyarakat yang mempunyai keakraban pelbagai budaya mempunyai nilai toleransi tinggi dan begitu juga sebaliknya. Justeru, kajian ini akan memberi tumpuan kepada penelitian terhadap hubungan sensitiviti moral sebagai satu penghubung untuk melihat hubungan yang dibina oleh masyarakat pelbagai budaya terutamanya pelajar di Malaysia yang mempunyai latar belakang budaya dan kaum yang pelbagai.

1.3 Permasalahan kajian

Kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia ada kalanya menghadapi beberapa situasi yang sukar apatah lagi kehidupan masyarakatnya terdiri daripada berlainan kaum, budaya, agama, bahasa, sosioekonomi serta beberapa faktor pendorong yang lain. dalam konteks permasalahan pelajar di sekolah, masalah berkaitan pelajar tanpa mengira kaum tidak lari dari masalah ponteng kelas, buli, merokok, melawan guru dan bersikap kurang ajar (Aminuddin Bin Hehsan & Siti Noor Binti Muhamad, 2010). Dapatan kajian berkaitan masalah disiplin pelajar menunjukkan bahawa aktiviti sosial pelajar banyak dipengaruhi oleh media massa, pergaulan rakan sebaya dan juga





pergaulan tanpa batasan (Muhammad Faizal A. Ghani dan Norfariza Mohd Razi et al., 2017). Kebimbangan terhadap isu disiplin ini menjadi asbab kepada penyelidik untuk mengkaji sensitiviti moral pelajar apabila berhadapan dengan isu moral di sekolah.

Isu pelanggaran disiplin pelajar adalah perkara yang membimbangkan para guru juga khususnya ibu bapa. Pelbagai hujah yang diberi dalam menjadi punca berlakunya masalah disiplin, antaranya sikap pelajar yang tidak bermotivasi, masalah keluarga, juga guru yang tidak memainkan peranan yang tegas dalam mengawal tingkah laku pelajar di sekolah (Alis Puteh, 2017). Dalam menghadapi situasi tegang ini, pengkaji ingin melihat sensitiviti moral yang dimainkan oleh rakan mereka dalam berhadapan dengan rakan yang mempunyai masalah isu moral. sebagai contoh, kes pelajar tingkatan tiga sekolah berasrama penuh yang menjadi mangsa buli sehingga menyebabkan mangsa sukar untuk membuang air kecil (Syafiq Noordin, Awani, 2017). Isu sebegini yang menjadi persoalan kepada pengkaji untuk mengetahui peranan yang dimainkan oleh rakan lain apabila berhadapan dengan situasi sebegini. Rentetan daripada isu ini, pengkaji melihat rakan-rakan berhadapan dengan kecelaruan dalam membuat keputusan. Pelajar berhadapan dengan situasi yang mana tiada panduan dalam membuat keputusan moral. Seharusnya isu sebegini mampu memberi kesedaran kepada pelajar untuk bertingkah laku moral serta mengetahui cara untuk membuat keputusan moral.

Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengelakkan berlakunya perselisihan faham antara pelajar, namun usaha ini tidak dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian pelajar. Cabaran dalam membantu pelajar untuk menangani perselisihan sesama mereka merupakan cabaran dalam membina identiti pelajar. Hal ini demikian kerana, pelajar tidak mempunyai panduan dalam membuat penilaian dan





keputusan apabila mereka berhadapan dengan konflik moral. Kebergantungan keputusan mereka hanyalah terhadap peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan pelajar cenderung mengikut perasaan yang dalam diri mereka sendiri. Pengkaji mendapati pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah malah usaha para guru untuk membentuk interaksi yang murni dalam kalangan pelajar di sekolah.

Kajian berkaitan sensitiviti moral dalam kehidupan pelbagai budaya masih belum diberi perhatian oleh pengkaji yang lain. Sehubungan dengan itu, berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati kajian berdasarkan sensitiviti moral melalui pengalaman pelbagai budaya boleh diteliti untuk melihat bagaimana kesedaran sensitiviti moral dalam kalangan pelajar terhadap hubungan bersama kepelbagaian budaya dalam konteks masyarakat Malaysia. Pengkaji meneruskan kajian sensitiviti moral kepada pelajar pelbagai budaya adalah untuk meneroka ciri-ciri sensitiviti moral dan cara sensitiviti moral mempengaruhi tingkah laku individu dalam membuat keputusan moral dalam situasi isu moral. Sistem pendidikan di Malaysia menjadikan guru sebagai penyampai dan pendidik untuk membentuk akhlak peribadi pelajar. Kajian yang dilaksanakan oleh Yasmin Ahmad (2014) yang terdiri daripada responden dalam kalangan guru di Kedah, Pulau Pinang dan Selangor, hasil kajian mendapati sikap sensitiviti kepelbagaian budaya guru yang rendah telah mencetuskan sikap bias dan perkauman ketika sesi pengajaran. Sehubungan dengan itu, pengkaji melihat fenomena sensitiviti moral dalam kalangan pelajar pelbagai budaya perlu dikaji untuk melihat cara pelajar berinteraksi bersama rakan pelbagai budaya.

Sistem pendidikan di Malaysia menjadikan subjek Pendidikan Islam kepada pelajar beragama Islam, manakala subjek Pendidikan Moral dipelajari oleh pelajar yang bukan beragama Islam. Jika dilihat dari aspek persamaan dua subjek ini, sistem





pendidikan berusaha untuk membentuk jati diri pelajar melalui subjek nilai bagi melahirkan insan yang berakhlak mulia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”



(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

Isu moral ini bukan lagi isu bualan yang hanya boleh dilihat dan dibaca melalui akhbar tanpa tindakan susulan, tetapi harus diteliti daripada pucuk pangkalnya kerana isu sebegini masih tidak dapat ditangani. Kes buli kian meningkat. Kes kematian Zulfarhan Othman, 21 penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sebagai contoh merupakan bukti antara salah satu kes yang mana rakan sekelilingnya buntu untuk membuat keputusan moral seperti melaporkan kepada pihak atasan secara terperinci seperti bersemuka dan menjelaskan perkara sebenar sehingga menyebabkan rakannya mati dibuli dek keganasan rakan seperjuangan sendiri (Siti Nurazlinee Azmi, 2018).





Penekanan terhadap melahirkan insan yang bermoral bukan sahaja melalui amalan nilai moral, tetapi juga dari konteks membuat keputusan bermoral apabila berhadapan dengan isu moral. Rentetan daripada permasalahan di atas, kajian ini akan berfokuskan cara pelajar membuat keputusan moral ketika berhadapan dengan isu moral. Dalam kajian ini pengkaji akan meneroka pegangan yang mendorong pelajar dalam membantu mereka membuat keputusan moral.

1.4 Objektif kajian

Pengkaji menyedari bahawa kepelbagaian budaya menuntut setiap masyarakatnya saling mengamalkan nilai-nilai moral dalam mengekalkan keharmonian sesebuah negara demi menghormati sensitiviti antara kaum. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Menganalisis ciri-ciri sensitiviti moral dalam kalangan pelajar pelbagai budaya di sekolah.
- 2) Mengenal pasti kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya di sekolah.
- 3) Mengenal pasti sensitiviti moral pelajar dalam membantu pelajar pelbagai budaya membuat keputusan moral.





1.5 Persoalan kajian

Selaras dengan tujuan kajian ini untuk mengkaji sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya dalam kalangan pelajar sekolah. Untuk itu, kajian ini akan menjawab tiga persoalan utama seperti berikut:

- 1) Apakah ciri-ciri sensitiviti moral pelajar pelbagai budaya?
- 2) Sejauh manakah kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelajar pelbagai budaya?
- 3) Bagaimanakah sensitiviti moral membantu pelajar pelbagai budaya dalam membuat keputusan moral.



1.6 Kepentingan kajian



Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai budaya perlu menyedari bahawa kepentingan mengamalkan nilai-nilai moral adalah untuk mengekalkan sifat saling memahami dan bertolak ansur antara satu sama lain. Biarpun setiap kaum mempunyai amalan teras tersendiri yang menjadi pegangan peribadi untuk diterapkan kepada seluruh anggota masyarakatnya, tetapi masyarakat Malaysia masih mempunyai nilai bersama yang disebut sebagai nilai sepunya yang secara langsung nilai ini membantu memupuk kesefahaman antara kaum di Malaysia (Rattansi, 2015). Namun begitu, kegagalan menjalin hubungan yang akrab antara budaya menjadi penghalang kepada usaha untuk mengekalkan keserasian dalam hubungan interaksi.





Hubungan interaksi antara kaum merupakan hubungan interaksi yang tidak dapat dinafikan kerana interaksi pelbagai budaya dalam masyarakat majmuk merupakan asas dalam menjana pemikiran dalam membantu pembangunan dan ekonomi negara (Chew Fong Peng & Shashipriya Nadaraja, 2014). Dalam hubungan interaksi pelbagai budaya ini, kesefahaman dan pengalaman pelbagai budaya dilihat sebagai aspek pendorong yang penting untuk mengekalkan keserasian dan hubungan yang terjalin dalam kehidupan masyarakat pelbagai budaya (Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof, 2016). Dalam keadaan setiap suku etnik yang mempunyai pengalaman berinteraksi dalam masyarakat pelbagai budaya, keakraban yang dibina boleh dipercepatkan menerusi amalan nilai moral seperti bertoleransi dengan mantap. Maka, interaksi pelbagai budaya ini penting apabila berhadapan dengan pelbagai situasi yang melibatkan isu moral seperti konflik ponteng kelas, buli mental dan fizikal yang melibatkan pelajar kaum lain.



Hal ini demikian kerana, proses membuat keputusan ketika berhadapan situasi moral turut mempunyai pengaruh yang signifikan dalam membuat keputusan akhir. Berdasarkan kepada perkembangan terkini dalam masyarakat pelbagai budaya di negara ini, isu-isu sensitiviti yang melibatkan kaum dan agama semakin banyak dibincangkan dan dipercepatkan secara terbuka. Malah semakin banyak insiden dalam masyarakat Malaysia yang boleh menggugat ikatan perpaduan masyarakat Malaysia setelah sekian lama. Contohnya isu daging babi dilemparkan di hadapan surau di Surau Kampung Bukit Serkam (Mohd. Himie Hussin, 2018). Isu ini bukan sahaja menimbulkan kemarahan penduduk beragama Islam malah menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia yang prihatin dengan isu ini. Begitu juga dengan isu provokasi





perkauman ketika pilihan raya kecil apabila kain rentang ahli politik berkenaan menggunakan bahasa Minang yang berbaur perkauman (Isu kain, 2019).

Justeru, kajian ini boleh menetengahkan perspektif baharu dalam aspek pengalaman pelbagai budaya khususnya dalam masyarakat Malaysia dalam membuat satu tindakan yang relevan berdasarkan situasi moral. Hal ini demikian kerana, kemampuan individu dalam mengenali situasi moral, mengambil kira emosi, sehingga kepada membuat kesimpulan terhadap sesuatu tindakan adalah berdasarkan pengalaman terhadap sesebuah budaya. Jelas bahawa, melalui interaksi, pengalaman dan matlamat perpaduan yang sama, berkongsi ciri-ciri budaya asas seperti norma, nilai, adat resam, bertutur dalam bahasa yang sama dapat memberikan sedikit ruang dalam memahami sensitiviti moral antara pelbagai budaya (Wan Hashim Wan Teh, 1983). Tambahan lagi, kemampuan ahli masyarakat yang terdiri dari pelbagai budaya untuk memahami dengan baik akan kepentingan sensitiviti moral mampu meningkatkan perpaduan di negara ini.

1.7 Batasan kajian

Kajian ini adalah berkenaan dengan sensitiviti moral pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di sebuah daerah di negeri Sabah. Pengkaji memilih pelajar sekolah adalah kerana pelajar merupakan kelompok masyarakat yang mempunyai aktiviti interaksi sosial secara konsisten dalam tempoh tertentu seperti aktiviti akademik iaitu sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), serta aktiviti kokurikulum. Pemilihan sekolah ini dibuat berdasarkan kesesuaian dengan matlamat pengkaji yang menginginkan kajian yang dibuat berdasarkan kepelbagaian kaum. Umum mengetahui





masyarakat penduduk Sabah terdiri daripada 70 etnik yang berbeza (Siti Khadijah Yasin & Fadzli Adam, 2017). Perbezaan mereka ini meliputi bahasa, agama, taraf sosioekonomi, etnik, jantina serta keupayaan mental dan fizikal. Dengan pemilihan pelajar di sekolah menengah di Sabah, usaha untuk meneliti kesedaran sensitiviti moral dalam kalangan ahli masyarakat pelbagai budaya menjadi lebih bermakna. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan ketika proses persekolahan selama tiga bulan bersamaan 12 minggu diperlukan untuk mengumpul data kajian ini bagi membolehkan temu bual intensif dan pemerhatian secara sistematik di kelas dapat dijalankan.


Proses pemerhatian yang dijalankan melingkungi tempat-tempat yang biasa dikunjungi responden bagi mendapatkan data yang tepat dan tulen yang meliputi lokasi pemerhatian iaitu di kelas ketika sesi PdPc dan di padang sekolah ketika acara kokurikulum dilaksanakan. Masa pemerhatian yang diperuntukkan adalah iaitu selama 40 minit merujuk jadual PdPc guru dan dilaksanakan sebanyak dua kali pemerhatian di kelas ketika PdPc. Pengkaji membataskan kajian ini ketika proses persekolahan untuk memastikan hasil pemerhatian yang signifikan dengan kehendak kajian untuk mendapat keputusan kajian di sekolah bukan bersama masyarakat luar. Sehubungan dengan itu, selama tempoh persekolahan selama lapan jam sehari tersebut adalah mencukupi untuk memberikan pengkaji hasil data yang berautoriti dan boleh dipercayai.

1.8 Kerangka kajian

Kerangka kajian merupakan panduan kepada pengkaji untuk memastikan pengkaji tidak tersasar dalam skop perbincangan kajian. Berpandukan konsep teori sensitiviti



moral yang dibawa oleh Narvaez. D (2011) dalam Ethical Sensitivity Scale Questionnaire (ESSQ), pengkaji merangka konsep kajian ini berdasarkan tema utama yang dibawa oleh Narvaez. D (2011) dan elemen pelbagai budaya yang dibina oleh Bank (1993).



Rajah 1.1. Kerangka Kajian : Sumber diolah daripada Narvaez, D (2001) dan Bank (1993)

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka kajian sensitiviti moral. Terdapat tiga perkara utama yang merupakan tunjang kepada kajian pengkaji untuk meneroka kesedaran sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya di sekolah. Tiga perkara tersebut adalah tujuh tema sensitiviti moral yang dikemukakan oleh Narvaez. D (2001), elemen pelbagai budaya oleh Bank (1993) dan amalan nilai moral yang digunakan dalam kehidupan seharian. Pengkaji menggunakan tema yang dibina oleh Narvaez. D (2001) untuk mengenal pasti ciri-ciri sensitiviti moral pelajar melalui interaksi pelbagai budaya melalui enam elemen pelbagai budaya yang dibina oleh Bank (1993). Tiga



perkara utama yang dikaji dalam kajian ini adalah ciri-ciri sensitiviti moral, kewujudan sensitiviti moral dalam interaksi pelbagai budaya, dan cara sensitiviti moral membantu pelajar membuat keputusan bermoral.

Dalam rangka kajian ini, interaksi pelbagai budaya dan nilai moral yang dipegang oleh individu ini sebenarnya mempengaruhi sensitiviti moral dalam situasi isu moral. Bertitik tolak daripada interaksi dan nilai moral yang diamalkan, sensitiviti moral individu diinterpretasikan melalui keputusan moral yang mampu dibuat oleh individu terbabit. Berdasarkan tema sensitiviti moral di atas, pengkaji akan menyingkap cara pelajar pelbagai budaya menerapkan amalan nilai moral dalam hubungan interaksi bersama dengan rakan di sekolah. Perkara ini penting untuk diteroka supaya pengkaji dapat menjawab segala permasalahan kajian yang terdapat di dalam kajian ini.

Selanjutnya, berdasarkan kerangka kajian ini, pengkaji akan meneroka tiga aspek utama ini di dalam tinjauan literatur. Penjelasan ini diperlukan untuk memberikan penerangan secara jelas akan kajian yang akan dilaksanakan.

1.9 Etika pengkajian

Menurut Othman Lebar (2014), terdapat beberapa etika pengkajian yang perlu dipatuhi oleh pengkaji. Kepentingan etika dalam pengkajian ini adalah untuk mengekalkan prinsip hormat kepada individu yang terlibat dalam sesebuah kajian berdasarkan konsep keizinan dan kerahsiaan (Smith, 1980). Konsep keizinan adalah melalui perbincangan, manakala konsep kerahsiaan adalah melindungi individu-individu yang memberikan maklumat peribadi kepada pengkaji (Simon, 1984). Prinsip-prinsip etika pengkajian di dalam sebuah kajian kualitatif adalah tidak objektif yang meliputi dari aspek penulisan





fasa proses pengkajian, pemilihan teori, pemilihan sampel, dan proses pembinaan instrumen kajian (Othman Lebar, 2014). Sehubungan dengan itu, pengkaji menerangkan empat fasa etika pengkajian dalam aspek etika proses pengumpulan data, etika dalam pernyataan masalah, etika dalam analisis data, dan etika dalam menulis dan menyebarkan hasil kajian.

1.9.1 Etika proses pengumpulan data

Permasalahan etika dalam pengkajian kualitatif merupakan isu penting kerana kajian ini melibatkan tempoh waktu yang lama (Noraini Mohd Salleh, 2014). Bagi proses ini, pengkaji menggunakan borang persetujuan peserta kajian bagi memastikan setiap laporan yang ditulis oleh pengkaji mendapat keizinan dan kebenaran daripada responden. Borang ini ditandatangani oleh peserta kajian setelah pengkaji menerangkan secara terperinci tajuk, tujuan, dan pemilihan mereka dalam kajian ini. Seperti yang dinyatakan oleh Irving Seidman (2006), setiap peserta mesti mempunyai hak untuk mengetahui latar belakang pengkaji serta maklumat kajian yang akan dijalankan. Hal ini demikian kerana, pengkaji menggunakan data peribadi seperti nama, latar belakang, institusi yang terlibat, umur, serta pandangan peribadi untuk dijadikan hasil dapatan kajian. Seterusnya, etika pengumpulan data ini penting untuk setiap peserta kajian dimaklumkan untuk menyemak semula kenyataan yang dikeluarkan dan mereka mempunyai hak untuk tidak menghalang pengkaji dari menulis maklumat yang boleh menyinggung mana-mana pihak (Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunus, 2008).





1.9.2 Etika dalam penyataan masalah

Penyataan masalah adalah penting kepada pengkaji sebelum memulakan sesebuah kajian. Creswell (2003) mencadangkan supaya pengkaji menjalankan kajian rintis terlebih dahulu untuk membina kepercayaan dan rasa hormat kepada peserta kajian dan dapat mengenal pasti permasalahan sebelum kajian penuh dilaksanakan. Proses penyataan masalah melibatkan banyak aspek seperti aspek pemilihan tempat dan peserta kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah melaksanakan kajian rintis kepada tiga orang peserta kajian. Kajian rintis ini membantu pengkaji dalam penambahbaikan soalan temu bual serta protokol melaksanakan sesi temu bual. Seterusnya, etika dalam penyataan masalah ini turut meliputi tempat kajian dan pemilihan peserta kajian. Menurut Othman Lebar (2014), setiap pengkaji perlu mendapat kebenaran melaksanakan kajian di tempat kajian dan kebenaran memilih peserta kajian. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada pendedahan maklumat yang sulit dan berbahaya semasa proses pengumpulan data.

1.9.3 Etika dalam analisis data

Sebelum pengkaji membuat penganalisan data, seharusnya identiti peserta kajian diperhalusi dengan kaedah yang sesuai. Sieber (1998), mencadangkan seorang pengkaji untuk meneliti ketika membuat proses mengekodkan dan merekodkan data. Othman Lebar (2014), menjelaskan kajian kualitatif menggunakan nama samaran atau gantian bagi melindungi data peserta kajian. Sebagai contoh, dalam kajian ini pengkaji menggunakan nama gantian untuk menyembunyikan identiti peserta kajian. Selain itu, dalam proses ini, pengkaji harus menggunakan strategi untuk memastikan data yang





dianalisis adalah data primer pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah semakan ahli bagi proses kesahan dan kebolehpercayaan data.

1.9.4 Etika dalam menulis dan menyebarkan hasil kajian

Dalam proses ini, Othman Lebar (2014), menekankan supaya tidak menggunakan bahasa atau perkataan yang bias menuju kepada mana-mana pihak yang dikaitkan dengan jantina, bangsa, agama, kumpulan etnik, mahupun golongan kurang upaya. Hal ini kerana, penulisan ilmiah adalah penulisan berhemah dan tidak menjurus kepada isu sensitif. Selain itu, proses ini menekankan bahasa segala maklumat dan data yang ditulis adalah benar dan bukan rekaan atau cubaan untuk memalukan data. Adalah penting bagi pembaca untuk mengetahui bahawa sebuah kajian itu adalah tulen berpaksaan reka bentuk kajian, metodologi kajian dan juga dapatan kajian (Neuman, 2000).

1.10 Definisi Istilah

Berdasarkan kajian ini, pengkaji menjelaskan beberapa istilah yang boleh digunakan dalam kajian ini. Antara definisi istilah yang diperjelaskan adalah sensitiviti moral, kepelbagaian budaya dan nilai moral.



1.10.1 Sensitiviti Moral

Moral pada dasarnya berasal daripada perkataan Latin iaitu *mores* yang membawa maksud yang hampir sama dengan etika (Micheal Mulkay, Trevor Pinch & Malcolm Ashmore, 1987). Namun begitu, istilah moral lebih merujuk kepada tingkah laku manakala etika merujuk kepada peraturan-peraturan yang ditentukan untuk memperbaiki sesuatu keadaan. Para sarjana memberikan pendefinisian yang bermacam-macam berkaitan dengan sensitiviti moral. Sebahagiannya memberikan definisi dengan berdasarkan kesedaran tingkah laku manusia dalam mempengaruhi orang lain (Bebeau, Rest & Narvaez, 1999). Sementara itu, Rest et al., (1999) mendefinisikan sensitiviti moral sebagai strategi untuk mengenali isu-isu moral di samping merangka pelan tindakan untuk bertindak balas terhadap isu tersebut melalui tindakan afektif. Namun, dalam pada itu, sensitiviti moral dalam kajian ini merujuk kepada kesedaran individu dalam mengetahui sesuatu isu tersebut adalah isu moral dan bagaimana individu bertingkah laku dalam membuat keputusan moral.

Dalam konteks ini juga, sensitiviti moral merupakan komponen penting dalam tingkah laku dan berlaku dalam tiga tahap yang berbeza iaitu:

- i) Kombinasi pengiktirafan dan kesan efektif,
- ii) Pengiktirafan isu moral semata-mata dan
- iii) Kombinasi pengiktirafan dan perihai pentingnya isu moral.

Pengiktirafan dan kesan bermaksud kesedaran terhadap tingkah laku dalam mempengaruhi orang lain, menyedari pihak lain yang terlibat dalam sesebuah situasi, sebab dan akibat kemungkinan yang akan berlaku, mentafsir maklum balas dan



perasaan orang lain, memahami sebab dan akibat dan kemungkinan sesuatu peristiwa dapat melibatkan empati dan kemahiran ambil peranan (Erwin, 2000). Sementara itu, pengiktirafan dan perihal pentingnya isu moral bermaksud kepekaan terhadap masalah etika dan kepentingan masalah ini untuk dilihat (Robert & Tomas, 2013).

Dalam sensitiviti moral, elemen empati dan ambil peranan merupakan elemen teras dalam situasi isu moral. Empati berlaku apabila individu meletakkan perasaan sendiri dan berkongsi maklum balas dengan individu lain (Jordan, 2007). Ambil peranan pula merujuk kepada keupayaan seseorang memahami interaksi antara diri dan orang lain menerusi pandangan mata orang lain (Jordan, 2007). Keupayaan ini memerlukan tahap kefahaman yang tinggi terhadap kebolehan orang lain dan keupayaan untuk meramalkan tingkah laku mereka berdasarkan bukti yang relevan (Jordan, 2007).



Isu moral merupakan teras utama dalam mengenal pasti sensitiviti moral. Hal ini demikian kerana, keupayaan individu dalam menguji sensitiviti moral mestilah dalam keadaan mereka menyedari bahawa situasi tersebut adalah isu moral. Hal ini kerana, isu moral dilihat sebagai isu yang berpotensi untuk memberikan kemudahan mahupun kebaikan kepada orang lain (Jordan, 2007). Dari sudut lain, Beauchamp & Childress (2013), menjelaskan isu moral tidak seharusnya dikaitkan dengan kemoralan yang melibatkan tentang betul dan salah laku manusia tetapi dari segi konseptualnya isu moral dapat dirumuskan sebagai sesuatu peristiwa yang boleh memberikan kesan kemudahan dan kebaikan berdasarkan tindakan betul atau salah setiap perilaku manusia.



1.10.2 Kepelbagaian budaya

Kehidupan dalam pola kehidupan masyarakat di Malaysia boleh dikenal pasti melalui latar belakang sejarah, adat resam yang diamalkan juga berbeza, agama, bahasa, budaya malah nilai yang diamalkan juga begitu berbeza. Namun begitu, kesemua ini bukan merupakan penghalang untuk mereka kekal dikenali sebagai masyarakat majmuk yang hidup dalam sebuah negara tetapi mengekalkan adat dan budaya yang tersendiri. Kepelbagaian budaya ditakrifkan sebagai meraikan kepelbagaian budaya seperti bahasa kumpulan minoriti, namun pada masa yang sama memperjuangkan hubungan yang tidak saksama antara golongan minoriti dalam arus budaya perdana (Rattansi, 2015).

Kepelbagaian budaya juga mempunyai hubungan kait dengan meraikan kepelbagaian budaya dan pluralisme serta mengharmonikan ketidaksamarataan antara kumpulan majoriti dan minoriti. Kepelbagaian juga merujuk kepada penerimaan dan sanjungan akan budaya baharu yang dilahirkan oleh kepelbagaian etnik yang dikenali sebagai masyarakat imigran. Namun, dengan kepelbagaian yang diperkenalkan telah membawa perubahan secara tidak langsung atau secara langsung terhadap sistem ekonomi, politik, sosial mahupun pendidikan di sesebuah negara (Rattansi, 2015). Kini, masyarakat Malaysia saling memerlukan antara satu sama lain, baik dari aspek jalinan komunikasi, sektor pekerjaan dan juga untuk perkembangan ekonomi negara. Maka, tidak seharusnya perbezaan kaum itu menjadi penghalang pergerakan interaksi tetapi seharusnya perbezaan itu diraikan dan dihargai bersama.

Kepelbagaian budaya dalam kajian ini dilihat melalui konteks pelajar yang mempunyai hubungan interaksi bersama rakan yang terdiri daripada pelbagai suku



kaum. Hubungan interaksi ini terjalin dalam persekitaran sekolah serta pengalaman mereka bersama dengan masyarakat pelbagai budaya. Pelbagai acara kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia, namun perbezaan ini tidak dianggap sebagai halangan dalam mempunyai hubungan interaksi. Begitu juga interaksi antara pelajar, sekolah merupakan agen sosialisasi dan pembinaan modal insan dalam membentuk akhlak dan tingkah laku pelajar.

Sering kali juga pengalaman budaya oleh sesuatu kaum tidak bersesuaian dengan nilai dan falsafah budaya kaum-kaum lain. Walaupun boleh menimbulkan konflik, perbezaan amalan budaya ini boleh menjadi satu ruang terbaik untuk setiap kaum memperkenalkan identiti masing-masing sehingga boleh difahami dan ditanggapi dengan positif oleh pihak lain. Contohnya, masyarakat Malaysia sedia maklum bahawa kaum Cina di Malaysia meraikan banyak perayaan tradisional. Perayaan ini disambut untuk mengekalkan ciri kecinaan mereka (Lee Yok Fee, 2004). Antara sambutan yang disambut adalah Tahun Baru Cina, Chap Goh Mei atau *Yuan Xiou*, *Zhong Yuan* iaitu perayaan musim hantu dan perayaan *Zhong Qiu* iaitu perayaan Kuih Bulan (Lee Yok Fee, 2004). Dengan sambutan perayaan yang pelbagai dari kaum Cina ini, masyarakat kaum lain dapat mengenali jenis perayaan, adat sambutan perayaan dan seterusnya dapat memahami kehidupan budaya masyarakat Cina di Malaysia.

Pada hakikatnya, perbezaan setiap budaya ini dapat dilihat melalui sesi perkenalan antara satu sama lain selain dapat dikenal pasti melalui ciri fizikal dari sudut agama, bahasa, pemakaian, warna kulit dan juga adat resam. Begitu juga dengan sambutan perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan juga Deepavali, yang mana kepelbagaian ini diraikan dan dikongsi bersama-sama meskipun setiap budaya mempunyai perayaan tersendiri. Adalah tidak wajar menjadikan perbezaan ini



sebagai halangan untuk saling mengenali dan mempromosikan kepelbagaian budaya yang menjadi identiti istimewa masyarakat pelbagai budaya.

Sehubungan dengan itu, rakyat Malaysia diharap menerima hakikat bahawa negara ini adalah negara berbilang kaum yang mempunyai pelbagai budaya dan adat resam yang telah diwarisi dari latar belakang sejarah penghuninya (Wan Hashim Wan Teh, 1983). Apatah lagi menjadi harapan negara apabila masyarakat Cina mahupun India yang masih belum berasimilasi dengan nilai induk Malaysia menerima dan berusaha untuk mengekalkan identiti Malaysia bukan semata-mata dikenali kaum Cina atau India sahaja.

1.10.3 Nilai

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam mendedahkan nilai-nilai positif kepada masyarakat Malaysia dalam membina sebuah negara yang maju dan moden. Nilai yang positif dilihat sebagai pendorong dalam kemajuan perkembangan sosial, ekonomi, pembangunan, agar negara terdiri daripada rakyat yang progresif dan lebih dinamik. Nilai-nilai positif ialah nilai yang menjadi agen kepada pembinaan negara bangsa untuk menentukan kekuatan dalam sesuatu perhubungan bangsa, kaum atau negara secara keseluruhannya. Oleh hal yang demikian, nilai dilihat sebagai alat yang penting dalam membina suatu pencapaian yang tinggi bagi sesebuah negara.

Nilai dalam kajian ini adalah merujuk kepada nilai-nilai moral yang menjadi panduan individu dalam bertingkah laku mulia. Pengkaji menfokuskan nilai sejagat seperti kerjasama, hormat-menghormati, kasih-sayang, bertolak ansur, dan pelbagai lagi adalah sebagai panduan bagi mencapai objektif kajian ini. Selain itu, nilai adalah



idea tentang kepentingan, faedah, mutu dan sesuatu yang bernilai tentang segala benda, perkara, dan fenomena yang terdapat dan berlaku di dalam alam semesta. Hasil daripada pertimbangan pemikiran dan emosi maka manusia meletakkan suatu nilai kepada segala apa yang dialaminya (Suffean Hussin, 2004). Nilai adalah darjah dan peraturan yang secara langsung tergabung membina cara hidup seseorang manusia. Justeru, nilai dilihat sebagai elemen yang penting dalam menilai sesuatu yang dianggap baik atau tidak bagi menghasilkan satu set kehidupan yang baik. Nilai yang baik akan diinterpretasikan sebagai nilai yang boleh diterima dalam norma masyarakat sebagai nilai membantu mencapai keharmonian dalam masyarakat tersebut.

Nilai murni, khususnya nilai sosial dan budaya boleh menjadi asas utama bagi memupuk integrasi sosial masyarakat Malaysia. Unsur nilai dilihat sebagai komponen utama dalam pembinaan sebuah budaya. Sesuatu budaya boleh mengalami perubahan dinamik sekiranya nilai-nilai baru yang bersifat progresif berlaku dan mengambil tempat dalam sesuatu sistem budaya. Nilai boleh dikelaskan kepada pelbagai jenis berdasarkan kepada kriteria tertentu. Secara umumnya, perkembangan sesuatu masyarakat dipengaruhi pelbagai nilai seperti nilai murni, moral, etika, kerohanian, budaya, sentimental, ekonomi, sosial, personal, politik dan estetika (Abd Rahim Abd Rashid, 2006).

Tambahan lagi, nilai merupakan satu bidang kebudayaan yang dapat menghuraikan pelbagai isu dan persoalan tentang sosiobudaya sesuatu masyarakat (Abdul Rahman Md. Arof, 1999). Nilai dapat membantu sesuatu budaya untuk mencorakkan perubahan kemajuan dan aspek ini perlu dipupuk melalui pengukuhan di sekolah agar nilai itu menjadi amat penting lebih-lebih kepada murid sebagai persediaan untuk menghadapi era globalisasi. Melalui konsep nilai dalam Falsafah





Pendidikan Kebangsaan (FPK), perpaduan dilihat sebagai nilai dalam hubungan masyarakat yang menjadi asas kepada kesejahteraan kronologi kehidupan masyarakat majmuk seperti dalam FPK.

Kekuatan ilmu pengetahuan mendorong manusia mencari ilmu pengetahuan melalui proses pembelajaran tentang nilai-nilai moral akhlak yang elok bagi mengatasi nilai-nilai buruk yang membinasakan manusia (Suffean Hussin, 1995). Nilai-nilai murni dilihat sebagai nilai yang memerlukan satu skop pemahaman yang selaras dengan norma hidup masyarakat di Malaysia. Tambahan lagi, nilai-nilai yang berorientasikan kepada masyarakat adalah nilai yang difikirkan oleh sesebuah komuniti untuk mendapat kata sepakat dan keselarasan yang dikehendaki dalam komuniti mereka sendiri. Nilai ini diperlukan bagi membolehkan masyarakat tersebut menjalani kehidupan yang aman tanpa mencetuskan jurang perbezaan antara satu sama lain.



Pemahaman konsep nilai tidak seharusnya dilihat hanya pada penentuan kepada sesuatu yang baik atau buruk. Bahkan juga perlu dilihat dari aspek nilai kebudayaan, nilai perpaduan, nilai tradisi yang dapat dilihat melalui dimensi yang berbeza selaras dengan norma masyarakat. Takrifan amalan nilai itu dikira sebagai nilai yang baik atau tidak berdasarkan tindak balas interaksi manusia dengan manusia yang lain. Nilai teras untuk mencapai pemahaman tentang konsep kepelbagaian budaya adalah penerimaan dan penghargaan pelbagai budaya, menghormati hak asasi manusia sejagat, tanggungjawab terhadap masyarakat dan dunia dan memiliki rasa hormat terhadap alam semesta (Samsudin Suhaili, 2011).

Pemupukan nilai menghargai kepelbagaian budaya ini akan menjadi langkah kepada proses memahami budaya dan adat yang diamalkan oleh komuniti etnik yang





lain. Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa, nilai menghargai perbezaan budaya, adat, bahasa dalam masyarakat majmuk di Malaysia boleh membawa kepada penyatupaduan kaum secara menyeluruh dan utuh. Namun begitu, pendedahannya perlulah secara meluas agar konsep perpaduan dan kefahaman pelbagai budaya ini mudah difahami oleh masyarakat Malaysia. Diharapkan pemupukan nilai ini dapat membentuk identiti masyarakat Malaysia yang sebenar.

1.11 Pengorganisasian bab

Pengorganisasian bab telah ditetapkan bagi menjamin kajian dapat diterangkan secara berstruktur. Kajian ini terbahagi kepada lima bab secara keseluruhannya yang menerangkan secara dengan lebih terperinci tentang kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Bab 1 dalam kajian ini menerangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian secara keseluruhan. Selain itu, antara kandungan yang penting dalam bab satu ini adalah tentang permasalahan kajian dan objektif kajian untuk memberi panduan kepada pembaca mengetahui apakah kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Seterusnya, pengkaji juga menerangkan dengan lebih lanjut tentang kepentingan kajian dan disambung dengan batasan kajian yang menerangkan tentang apakah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Kerangka kajian, definisi istilah dan organisasi bab juga terkandung dalam bab ini bagi memberikan penjelasan tentang konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini, dan organisasi bab adalah sebagai panduan tentang kajian keseluruhan pengkaji.





Bab 2 kajian ini mengemukakan kajian lepas yang berkaitan dengan skop, bidang dan tajuk kajian. Oleh itu, bab ini dibahagikan kepada setiap pecahan seperti pecahan skop kajian lepas yang berkaitan dengan sensitiviti moral, teori yang berkaitan, interaksi pelbagai budaya dan juga nilai. Penerangan secara lanjut berkaitan dengan kajian ini penting bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang selaras dengan kajian yang dilakukan.

Seterusnya, bab 3 pula membincangkan dengan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji. Jenis pengkajian juga dijelaskan dengan terperinci di dalam bab dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Selain daripada itu, reka bentuk kajian, kaedah penyelidikan, pemilihan peserta kajian, pemilihan lokasi kajian, instrumen kajian dan kaedah kutipan data kajian juga diterangkan dalam bab ini. Tambahan lagi, dalam bab ini juga kaedah penganalisan data begitu penting bagi menilai cara analisis kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Seterusnya adalah bab 4 yang mengemukakan hasil dapatan kajian sepanjang tempoh pelaksanaan. Hasil analisis data membolehkan usaha penulian dapatan kajian dilakukan bagi menerangkan segala penemuan berdasarkan permasalahan dan objektif kajian ini. Hasil dapatan dan analisis data diterangkan dalam bab ini secara terperinci untuk panduan dan rujukan bagi kajian masa hadapan.

Manakala bab yang terakhir adalah bab 5. Bab ini akan mengetengahkan kesimpulan daripada dapatan kajian yang diperoleh. Turut diketengahkan adalah aspek ringkasan dapatan kajian, implikasi kajian, serta cadangan penambahbaikan kajian untuk keperluan kajian masa hadapan. Seperkara lain yang tidak kurang pentingnya





dalam bab ini adalah penambaaian menjadi panduan untuk pengkaji-pengkaji baru untuk meneroka sensitiviti moral dalam kepelbagaian budaya di Malaysia.

1.12 Penutup

Sensitiviti moral dalam konteks masyarakat pelbagai budaya dapat memberikan panduan dan pendedahan dalam mengetahui sensitiviti masyarakat pelbagai budaya di Malaysia. Bab ini memberikan gambaran yang luas dan mendalam akan titik fokus dalam kajian ini untuk memastikan kajian yang dilakukan berjalan lancar. Tambahan lagi, hubungan interaksi yang terjalin dalam kehidupan pelbagai budaya secara langsung berupaya membantu mencapai objektif kajian ini. Penerapan kajian ini lebih bernilai apabila rakyat Malaysia mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan masyarakat yang majmuk ini.

